

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10/12/2010

Bantuan ihsan tanam semula padi kini RM876 sehektar

UM 10/12/2010

ALOR SETAR 9 Dis. – Prihatin dengan nasib pesawah di Kedah dan Perlis yang terjejas akibat bencana banjir, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan kenaikan bantuan ihsan penanaman semula padi kepada RM876 sehektar berbanding kadar sedia ada sebanyak RM573.

Perdana Menteri berkata, kenaikan sebanyak RM300 itu diharap mampu meringankan beban pesawah berkenaan yang sedang berhempas pulas menanam semula padi untuk musim baru.

“Kenaikan kadar ini adalah tanda bahawa kerajaan sentiasa prihatin dengan nasib rakyat terutamanya mereka yang dilanda musibah.

“Ini adalah permulaan bantuan kerajaan yang akan terus kita laksanakan secara menyeluruh supaya rakyat yang dilanda musibah mendapat bantuan dan pembelaan.

“Kita akan terus lipat gandakan bantuan kerajaan kepada negeri-negeri seperti Kedah dan Perlis yang dilanda banjir mudah-mudahan kita akan dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh mangsa-mangsa bencana,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Kedah dan Perlis di Stadium Sultan Abdul Halim, di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Rosmah



NAJIB Tun Razak dan Rosmah Mansor bertanya sesuatu kepada Haton Osman pada majlis penyampaian bantuan banjir di Stadium Sultan Abdul Halim Alor Setar semalam.

Mansor, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Pengerusi Jawatankuasa Khas Bantuan Banjir Kedah, Datuk Paduka Ahmad Bashah Md. Ha-

nipah.

Selain itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Chor Chee Heung, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharom dan Pengerusi Kelab Putra UMNO,

Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim juga hadir.

Pengumuman itu dijangka melegakan kira-kira 32,000 pesawah di kedua-dua negeri berkenaan yang mengalami kerosakan tanaman padi akibat banjir awal bulan lalu.

Pada majlis itu, Najib menyampaikan 10,000 tilam sumbangan Kelab Putra UMNO dan 5,000 dapur gas yang diurus oleh Yayasan Rahah.

Bagi memastikan semua mangsa banjir mendapat bantuan itu, beliau telah mengarahkan bilangan tilam ditambah sebanyak 10,000 dan dapur gas sebanyak 5,000.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan juga akan mula menyampaikan bantuan ihsan kepada semua mangsa banjir meliputi mereka yang terpaksa berpindah sementara atau tidak berpindah tetapi rumah disahkan dinaiki air.

“Jumlah yang disediakan oleh kerajaan pusat untuk bantuan ini ialah sebanyak RM30.6 juta setakat ini, yang mana setiap keluarga dijangka menerima sebanyak RM500,” katanya.

Mengenai bantuan untuk tanaman padi, Najib berkata, kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan peruntukan sebanyak RM60 juta.

Tambah beliau, daripada jumlah itu, sebanyak RM10 juta disediakan untuk membaik pulih infrastruktur yang rosak akibat banjir dan RM50 juta bantuan kepada petani.

Dalam ucapan itu juga, Perdana Menteri turut memohon maaf kerana tidak dapat menziarah mangsa-mangsa banjir semasa bencana itu melanda kerana terlantar di rumah akibat diserang demam cacar.